

26/04/1999

Sikap perusuh guris hati rakyat Sabah

Cinta Negara

JAUH jangan disangka tidak tahu. Laut China Selatan bukanlah menjadi penghalang untuk rakyat Sabah tidak mengikut perkembangan di Semenanjung.

Siapa sangka siapa menduga, di sebalik keceriaan rakyat Sabah menikmati kepemimpinan yang baru bertakhta kembali, rupa-rupanya nun di seberang sana rusuhan sedang berlaku.

Hati rakyat mana yang tidak gelisah jika memikirkan keadaan negara yang mula huru-hara. Siapa yang menjadi dalangnya mungkin kita sendiri tahu.

Peristiwa rusuhan yang berlaku di ibu negara amat memalukan negara yang kini sedang diintai untuk di jadikan model pembangunan negara lain.

Amat mengharukan sekali apabila mengenangkan masih ada rakyat Malaysia yang sanggup menconteng arang di wajah negara sendiri. Nampaknya kita sudah tidak mampu menjulang darjat negara supaya bebas daripada rusuhan. Islam sendiri tidak pernah merestui perbuatan merusuh. Kalaupun keadilan yang samar itu hendak ditegakkan merusuh bukanlah jalan penyelesaian malah memburukkan lagi keadaan.

Sungguh mengaibkan sekali apabila melihat kelakuan mereka. Di mana perginya kesantunan budaya Melayu yang kita julang selama ini, dan ke mana hilangnya ajaran agama yang menjadi panduan kita selama ini.

Nyatanya semua agenda ini dipinggirkan oleh mereka yang terbabit merusuh. Lebih menyedihkan lagi apabila kita sendiri menyedari kehadiran perusuh yang tidak pernah diundang ini terang-terangan lebih kepada kepentingan politik dan peribadi.

Mereka sengaja mencari ruang untuk menolak kerajaan yang sedia ada. Sanggup pula menghina perlembagaan negara.

Percayalah; sekalipun anda berjaya merobohkan Menara Kuala Lumpur semata-mata untuk menunjukkan rasa marah, anda tidak akan menang.

Kalau kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga. Cerminlah diri anda, adakah perbuatan merusuh itu akan memberi jaminan hidup dan keluarga anda?

Atau mungkin anda sedang menempah tiket untuk masuk ke dalam lokap. Tepuk dada tanya selera.

Sejak zaman-berzaman orang Melayu tidak pernah bankrap untuk memikirkan jalan penyelesaian masalah.

Kalaulah masalah kegawatan ekonomi dapat Malaysia atasi dengan cara yang bijaksana, kenapa tidak masalah yang sebegini.

Dengan syarat rakyat Malaysia harus berminda globalisasi. Kita harus sedar kedudukan kita sebagai rakyat jelata yang mesti tunduk dengan perlembagaan negara. Sememangnya perlembagaan tidak pernah membohongi rakyat.

Kalaupun masih ada keraguan, masih ada cara yang lebih direstui oleh Islam. Bukankah menunaikan solat hajat beramai-ramai itu lebih baik dan lebih diredai oleh Allah daripada merusuh beramai-ramai?

Akal yang dikurniakan kepada kita itulah yang sebaik-baiknya kita aplikasikan sebelum melakukan sesuatu. Ikut hati mati, ikut rasa binasa. Peristiwa berdarah 13 Mei-1969 sudah cukup menginsafkan kita.

Apabila kita singkap tabir sejarah masa lampau, tentunya kita tidak mahu negara kita dijajah kembali. Sedarkah kita bahawa ketika ini sudah ada anasir asing yang sedang mengintai negara kita. Silap langkah kita akan jatuh ke tangan mereka.

Lupakah kita bahawa kuasa luar akan mengambil kesempatan di atas kekecohan sesebuah negara kononnya hendak membantu negara tetapi dalam

diam meracuni pemikiran rakyat jelata.

`Pepat di luar, rencong di dalam'. Jangan pula hanya kerana taksub dengan seseorang, maruah negara tergadai begitu saja. Sejarah tidak pernah berbohong kepada kita dan sejarah juga membuktikan segalanya. Itupun kalau anda seorang yang prihatin.

Seharusnya kita amat bersyukur dan beruntung apabila menyedari hakikat bahawa kecil Malaysia adalah si kecil bertuah, kecil yang mampu melahirkan seorang pemimpin negara yang amat disegani. Sememangnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak pernah memandang sepi terhadap masalah negara.

Sudah tiba masanya kita bersama-sama berganding bahu untuk memadamkan api perbalahan yang boleh membakar keamanan negara kita. Sedarlah di mana kita berpijak.

Sekali berpijak di bumi Malaysia, selama-lamanya kita daulatkan keamanan negara. Sedarlah bahawa kita sudah berada di pinggir abad ke 20 sekarang bukan masanya untuk mencipta masalah.

Adakalanya kita harus belajar menerima hakikat bahawa langit tidak selalu cerah dan sesungguhnya Allah akan menguji umat manusia tidak kira dalam bentuk apa sekalipun.

Ekoran itu kalau anda merusuh jelaslah anda tidak tahan dengan ujian yang sekecil ini. Bersatu kita teguh bercerai kita roboh.

Ingatlah bahawa kebenaran bukan suara majoriti kerana majoriti tidak semestinya berinti. Kita anak merdeka harus berfikiran rasional.